

26/04/2003

Amerika Syarikat amal dasar `tukul besi': Dr Mahathir

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan serangan terhadap Iraq adalah contoh dasar `tukul besi' Amerika Syarikat bagi menakutkan pengganas dan mensasarkan negara Islam berikutan serangan 11 September.

Perdana Menteri berkata, alasan serangan itu untuk menyingkirkan kerajaan zalim tidak dapat diterima kerana banyak negara, termasuk sebuah negara di Afrika yang menyebabkan kematian lima juta penduduknya, tidak diambil sebarang tindakan.

"Tetapi fokus adalah terhadap Iraq, Iran, Syria, Libya, Sudan ...semua ini adalah negara Islam. Jadi kami berpendapat ada elemen itu (mensasarkan negara Islam)," katanya dalam wawancara bersama Middle East Broadcast di kediamannya di Sri Perdana, baru-baru ini.

Wawancara Dr Mahathir itu disiarkan malam kelmarin oleh saluran televisyen Al-Arabia berpangkalan di Dubai itu.

Dr Mahathir ditanya sama ada beliau masih berpendirian bahawa serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq adalah disasarkan kepada dunia Islam.

Perdana Menteri berkata, oleh kerana pengganas yang menyerang pada 11 September adalah orang Islam, semua negara Islam menjadi sasaran, diserang dan dibunuh serta dipaksa menukar rejim.

"Ia sudah berlaku di Afghanistan, ia berlaku di Iraq dan ia mungkin berlaku terhadap negara lain termasuk Syria," katanya.

Beliau berkata, apa yang dikhuatiri Malaysia adalah Amerika Syarikat tidak mahu mencari punca sebenar kepada serangan pengganas, sebaliknya memilih menghancurkan pengganas dan negara yang melindungi mereka.

"Idea Amerika ialah bagi menakutkan negara tertentu supaya tidak melindungi pengganas. Jika anda melindungi seorang pengganas, negara anda mungkin diceroboh dan kerajaan disingkirkan dan rakyat dibunuh.

"Ia seperti tukul besar dalam usaha membunuh satu atau dua pengganas," katanya.

Dr Mahathir berkata, Amerika akan menghentam pengganas sehingga bukan saja tiada lagi golongan itu, malah tiada siapa berani menjadi pengganas.

"Jika mereka masih berani, negara mereka akan ditakluk, kerajaan ditukar dan mereka dibunuh," katanya.

Perdana Menteri berkata, apa yang dilakukan Amerika Syarikat ketika ini tidak banyak berbeza dengan apa yang dilakukan Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon.

"Bagi Sharon jika seorang rakyat Israel dibunuh, mereka membunuh bukan saja pengganas terbabit tetapi keluarganya selain memusnahkan rumah dan bandar asal pengganas itu," katanya dalam temubual yang berlangsung kira-kira 35 minit itu.

Mengenai serangan terhadap Iraq, Dr Mahathir berkata, Presiden Saddam Hussein bukan pemimpin terbaik Iraq dan memang bertindak zalim, tetapi ia tidak bermakna sebuah negara lain boleh masuk dan dan menyingkirkan pemimpin sebuah negara.

"Jika ini diterima, pemimpin lain akan dituduh perkara tertentu dan digulingkan, sekali gus mengakhiri bukan saja demokrasi antarabangsa tetapi juga demokrasi di semua negara. Kita akan hidup dalam ketakutan sepanjang masa, katanya.

Perdana Menteri berkata, dalam proses Amerika Syarikat membebaskan rakyat negara itu, ramai rakyat negara itu yang terbunuh.

"Apabila anda membunuh, anda tidak membebaskan mereka," katanya sambil menambah terdapat cara lain bagi menyingkirkan Saddam.

Dr Mahathir juga tidak percaya Saddam mempunyai senjata pemusnah seperti yang didakwa Barat.

"Dia (Saddam) tahu dia akan tewas dan mati, pasti dia menggunakan senjata itu terhadap Amerika. Tetapi dia tidak menggunakannya kerana saya berpendapat dia tidak mempunyai seperti dibuktikan pemeriksaan senjata," katanya.

Beliau juga berkata, penggunaan kaedah peperangan sebagai cara menyelesaikan masalah tidak lagi sesuai terutama dalam peradaban moden kini.

Amerika Syarikat membelakangkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan menyerang negara yang tidak lagi mampu mempertahankan diri selepas dikenakan sekatan selama 12 tahun.

"Ia adalah peperangan untuk menakluk ...untuk menukar rejim di Iraq. Ia membelakangkan demokrasi kerana dalam demokrasi anda harus mendengar suara majoriti," katanya.